



"ZAKAT, LADANG DUNIA UNTUK AKHIRAT".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَبْتَغِ فِيمَا آتَانِيَ اللَّهُ الْذَّارُ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ^{٧٧}</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهَا بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Bersempena hari Jumaat yang mulia ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang Jumaat menghayati khutbah yang bertajuk "ZAKAT, LADANG DUNIA UNTUK AKHIRAT."</p>	6
<p>Hadirlin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p>	
<p>Kita semua mengetahui bahawa hakikat kehidupan di dunia ini hanyalah sementara. Allah SWT mengingatkan secara berulang-kali bahawa kita hidup di dunia ini bertujuan untuk beramal ibadah dan bertaqwa kepada Allah SWT. Bahkan, kehidupan di dunia yang sementara ini adalah sebagai jambatan untuk menuju ke akhirat yang kekal abadi.</p>	7
<p>Sesungguhnya dunia ini adalah tempat bercucuk tanam yang merupakan ladang bagi akhirat. Akhirat jualah tempat kita menuai hasilnya daripada apa yang kita telah tanam.</p>	8
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	



<p>Harta dan kekayaan merupakan salah satu ujian kehidupan di dunia ini. Seiringan dengannya, ia juga sebagai nikmat dan kurniaan Allah SWT kepada kita. Allah SWT memerintahkan supaya harta tersebut dizakatkan kepada para asnaf, dinafkahkan kepada ahli keluarga dan dikongsikan dengan orang lain. Disinilah kualiti iman seseorang insan itu diuji samaada mereka taat setia untuk patuh dengan perintah Allah SWT atau engkar terhadap-Nya. Tambahan pula apa yang dizakatkan itu tidaklah banyak sangat. Ibarat RM2.50 daripada RM100.00. Maka RM97.50 lagi adalah menjadi hak kita untuk bebas dibelanjakan.</p>	9
<p>Bagi insan yang taat, Allah SWT menjanjikan laba keuntungan yang besar untuk kesenangan hidup yang kekal abadi di akhirat. Setiap sen yang kita zakatkan menjamin penyuburan dan kesucian harta yang kita miliki. Allah SWT berfirman di dalam Surah Al-Taubah, ayat 103:</p> <p style="text-align: center;">خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيْهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْمٌ ١٠٣</p>	10
<p>"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."</p>	11
<p>Allah SWT menjanjikan kenikmatan yang kekal abadi di syurga yang seluas segala langit dan bumi bagi sesiapa sahaja dikalangan hamba-Nya yang berusaha melaksanakan amal soleh yang diperintahkan oleh Allah termasuk bagi yang menginfakkan hartanya dan menunaikan zakat. Firman-Nya dalam surah Ali Imran, ayat 133-134:</p> <p style="text-align: center;">وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ١٣٣ أَذْلَّلَنَّ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَاءِ وَالْكَظِيمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ١٣٤</p>	12



<p>"Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik."</p>	13
<p>Bagi orang Islam yang sompong, ingkar serta enggan berzakat, Allah SWT memberikan amaran keras berupa seksaan dan azab yang amat pedih dalam api neraka. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 34 dan 35:</p> <p>وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ... فَبَشِّرُوهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ۝ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ۝</p>	14
<p>"Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (laitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam Neraka Jahannam, lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu."</p>	15
<p>Amaran keras ini diperkuuhkan lagi dengan hadis dari Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مَنْ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَلَمْ يُؤَدِّ زَكَاتَهُ، مُثِلَّ لَهُ مَالُهُ شُجَاعًا أَقْرَعَ، لَهُ زَبِيتَانِ يُطَوْقُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَأْخُذُ بِلِهْزِمَتَيْهِ يَعْنِي بِشِدْقَيْهِ يَقُولُ: أَنَا مَالُكَ أَنَا كَنْزُكَ</p>	16
<p>"Sesiapa yang dikurniakan oleh Allah harta dan tidak mengeluarkan zakatnya, maka hartanya pada hari kiamat dijadikan seekor ular yang mempunyai dua taring, dan kepala yang tidak berbulu kerana terlalu banyak bisanya. Ia akan membelit dan mengigitnya dengan kedua-dua rahangnya sambil berkata: Akulah hartamu! Akulah simpananmu."</p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p>	17



Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,	
Untuk makluman hadirin sekalian, sehingga bulan Oktober 2019, jumlah agihan zakat yang telah dilaksanakan kepada seluruh asnaf yang layak ialah sebanyak RM619.4 juta , manakala jumlah kutipan zakat dalam tempoh yang sama meningkat kepada sebanyak RM585.3 juta .	18
Sehingga kini, seramai 60,462 keluarga fakir miskin menerima bantuan zakat secara berterusan di Lzs. Berdasarkan kepada peningkatan jumlah keluarga asnaf fakir miskin ini, beberapa usaha telah dan sedang dilakukan untuk memastikan kutipan zakat dapat ditingkatkan supaya bantuan zakat kepada asnaf-asnaf ini dapat diberikan dengan sempurna	19
Walau bagaimanapun, sehingga Oktober 2019, jumlah umat Islam yang menunaikan zakat di Lzs hanyalah 18.13% daripada sejumlah 1.5 juta umat Islam yang dianggarkan layak menunaikan zakat di negeri ini.	20
Oleh itu, khatib menyeru kepada seluruh jemaah sekalian! Tunaikanlah zakat harta anda dengan segera kerana kematian yang pasti itu akan datang menjemput kita pada bila-bila masa sahaja tanpa diduga. Berat sungguh kewajipan berzakat sehingga seseorang yang meninggal dunia itu dianggap masih berhutang dengan Allah SWT sekiranya tidak sempat menunaikan zakat, maka warisnya wajib melunaskan zakat tersebut sebelum harta pusakanya difaraidkan. Oleh itu, pastikan pendapatan, wang simpanan, saham, pelaburan dan perniagaan yang diusahakan tidak terlepas daripada kewajipan berzakat.	21
Ingatlah, segala harta dan kekayaan yang anda miliki di dunia ini hanya bermanfaat di akhirat apabila kita menunaikan zakat sebanyak 2.5% yang merupakan milik asnaf-asnaf zakat yang berhak daripada sebahagian harta tersebut.	22
Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,	



Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:	
<ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah mematuhi kewajipan berzakat sebagai satu perintah daripada Allah SWT.2. Umat Islam hendaklah takut kepada ancaman Allah SWT sekiranya enggan dan ingkar menunaikan kewajipan berzakat.3. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor untuk memastikan kutipan dan agihannya kepada asnaf-asnaf secara berkesan.4. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa berzakat akan menyucikan dan menyuburkan harta di dunia, dan mendapat hasil yang lumayan di akhirat kelak.	23
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدُ لَهُ فِي حَرْثِهِ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَّصِيبٍ ۝</p>	24
<p>"Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendaki-Nya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak."</p> <p style="text-align: right;">(al-Syura : 20)</p>	25
<p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p> <p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	26 27



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهٖ وَصَحْبِهٖ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>آمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ رَيْصَلُونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَرْوَاحِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	6



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعِينِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَاتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُور، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَالِحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْعَ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	11
<p>Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme.</p>	12
<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	13
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	14



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حَسَنٌ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾</p>	17
<p>فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18